OLEH **AZAHAR RAHMAD**

WANITA MALAYSIA PENGGERAK EKONOMI NEGARA

TAHUN demi tahun, peranan wanita di Malaysia dalam bidang ekonomi memperlihatkan perkembangan yang sangat signifikan dan membanggakan berbanding dengan lebih 30 tahun yang lalu. Wanita kini tidak lagi dibelengu dengan status sebagai suri rumah dan "orang penting" dalam institusi keluarga semata-mata, sebaliknya golongan ini berupaya memberikan sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bahkan, wanita juga dilihat berperanan sebagai pelengkap dalam urusan pembangunan, di samping turut memberikan sumbangan kepada perkembangan politik tempatan, dan hal ini sekali gus menunjukkan paradigma baharu terhadap kedudukan mereka dalam pentadbiran kerajaan. Usaha Malaysia untuk mencapai taraf negara maju dan berpendapatan tinggi melalui Model Baru Ekonomi (MBE) menjadikan sumbangan wanita sangat signifikan bagi menggalas cabaran dalam era globalisasi dan terus menyokong pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu, untuk memastikan pembangunan negara dapat berjalan dengan lancar, peranan wanita tidak seharusnya dikesampingkan. Sumbangan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan yang meliputi ekonomi, sosial, dan politik di banyak negara bukan lagi dilihat sekadar melepaskan batok di tangga, tetapi merupakan realiti yang relevan dengan perkembangan era globalisasi. Di Malaysia, isu dominasi kaum Adam dan diskriminasi terhadap kaum Hawa tidak lagi mencengkam golongan Hawa pada hari ini, sebaliknya integrasi ekonomi dunia seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat, sudah membentuk realiti ekonomi wanita dalam pelbagai pendekatan. Pendek kata, wanita kini menjadi entiti yang penting sebagai penggerak ekonomi sesebuah negara.

Wanita harus terus mengorak langkah mengharungi cabaran bagi memastikan kehadiran, bakat, dan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh mereka mendapat pengiktirafan. Dengan kebanjiran tenaga kerja wanita, di samping meningkatnya pendapatan dan kekayaan golongan Hawa, peranan wanita semakin berpengaruh sama ada dalam hal rumah tangga, organisasi mahupun negara.

Hal ini disokong pula oleh faktor penyertaan wanita dalam tenaga buruh yang menunjukkan peningkatan daripada 44.7 peratus pada tahun

women - Achie

1995 kepada 46.4 peratus pada tahun 2009 dan sasaran sehingga 55 peratus menjelang akhir Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Sebelum ini, dalam tiga tempoh Rancangan Malaysia, sumbangan wanita ketara dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara. Sepanjang tempoh itu, pelbagai usaha diambil oleh kerajaan dengan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan penyertaan wanita lebih berkesan dalam pembangunan negara dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan pertumbuhan ekonomi.

Pelibatan golongan wanita juga kian terserlah dalam bidang usahawan yang lengkap dengan pakej yang bersesuaian supaya mampu bersaing dalam persekitaran ekonomi moden.

Ketika ini, wanita membentuk 49.1 peratus atau 14.03 juta populasi daripada 28.55 juta orang penduduk Malaysia dan sebanyak 9.03 juta (64.3 peratus) wanita adalah pada usia produktif, iaitu 15 tahun hingga 64 tahun. Jika dibandingkan negara lain, seperti Vietnam dan China, peratusan jumlah tenaga kerja wanita di Malaysia masih relatif rendah. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh faktor banyaknya wanita yang berhenti kerja atas sebab tertentu, seperti mahu menumpukan perhatian terhadap rumah tangga atau sebagainya. Perkembangan ini perlu dibendung bagi menjamin sasaran untuk mencapai tahap 55 peratus wanita yang produktif berusia 18 tahun hingga 60 tahun harus memenuhi pasaran kerja tempatan menjelang tahun 2015.

Sementara itu, sekiranya ada pihak yang mengecualikan sumbangan wanita dalam pembangunan negara, hal ini bermakna tenaga kerja kita akan berkurangan dengan begitu mendadak. Sebelum ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa kira-kira 4.7 juta orang wanita berada di luar pasaran buruh dan tidak bekerja. Majoriti wanita yang berada di luar pasaran buruh ialah suri rumah tangga, iaitu jumlahnya melebihi tiga juta orang.

Kelompok wanita yang berada di luar pasaran buruh juga sebenarnya menyumbangkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di negara ini. Suri rumah menyumbangkan kira-kira 45 peratus dalam kerja-kerja tanpa bayaran. Sumbangan ini jika dinilai dari segi wang ringgit, dianggarkan berjumlah lebih daripada RM55 bilion berasaskan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sehubungan dengan itu, memang tidak dinafikan bahawa wanita di Malaysia mendapat peluang yang lebih terbuka dalam pelbagai sektor penting negara. Golongan wanita di negara ini harus mengakui hakikat bahawa negara mempunyai nama besar dalam kalangan wanita yang menerajui institusi penting yang sebelum ini dimonopoli oleh lelaki. Tan Sri Zeti Akhtar Aziz yang menjadi Gabenor Bank Negara contohnya, kewibawaan beliau bukan sahaja diiktiraf di Malaysia, bahkan dunia turut mengakui kehebatannya. Negara harus juga berbangga dengan kejayaan dan sumbangan tokoh besar dalam kalangan wanita yang bukan sedikit peranannya dalam memberikan buah fikiran serta membuat perancangan strategik yang melibatkan pembangunan ekonomi negara.

Pelibatan wanita Malaysia dalam sektor PKS jauh lebih rendah berbanding dengan negara lain, seperti Taiwan yang mencatatkan 36.2 peratus dan Australia yang mencapai pencapaian 31.5 peratus.

Pada masa yang sama, pasti banyak yang tidak menafikan sumbangan penting yang diberikan oleh Datuk Dr. Mahani Zainal Abidin (Allahyarhamah), Ketua Eksekutif Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa atau Datuk Dr. Norraesah Mohamad, pakar ekonomi dan ahli Biro Ekonomi UMNO, yang membarisi senarai kumpulan pemikir bagi memperkasakan pemacuan pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini turut disokong oleh Laporan Perniagaan Antarabangsa Grant Thornton pada tahun lepas yang meletakkan Malaysia di kedudukan bersama kesembilan di dunia untuk jumlah jawatan pengurusan kanan yang dipegang oleh wanita, iaitu sebanyak 31 peratus.

Dapatlah disimpulkan bahawa soal hak bagi golongan wanita tidak begitu menjadi isu kerana dalam beberapa hal, kewibawaan wanita Malaysia sememangnya diiktiraf setanding dengan wanita di negara maju. Malah, dalam kes tertentu tahap pencapaian dan pengiktirafan yang diterima oleh wanita Malaysia dikatakan dapat mengatasi golongan wanita di negara maju. Di Jepun misalnya, pelibatan wanita negara itu lebih terbatas berbanding dengan wanita Malaysia dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara mereka.

Namun demikian, yang menjadi persoalan ialah kuota pelibatan wanita Malaysia yang masih rendah, terutamanya dalam sektor swasta. Secara keseluruhan, pelibatan wanita Malaysia dalam pasaran domestik masih rendah, walaupun jumlah wanita merangkumi separuh daripada populasi Malaysia. Oleh hal demikian, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, menyatakan bahawa kerajaan komited untuk melahirkan sekurang-kurangnya 30 peratus golongan wanita untuk berada pada kedudukan peneraju dalam sektor swasta menjelang tahun 2016. Golongan wanita, menurut beliau, mampu memikul tanggungjawab itu sekiranya mereka diberi peluang untuk berada pada kedudukan tersebut.

Kerajaan juga membentuk dasar 30 peratus penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam



sektor awam. Pembentukan dasar ini menyaksikan bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 31.7 peratus pada tahun 2011. Namun begitu, bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan tertinggi dalam badan berkanun menunjukkan penurunan daripada 17.8 peratus pada tahun 2004 kepada 13.6 peratus pada Ogos 2012.

Dalam pada itu, berdasarkan penyelidikan oleh beberapa pertubuhan, seperti Mckinsey, Bain & Company serta Catalyst, telah membuktikan bahawa penyertaan wanita dalam barisan lembaga korporat mampu meningkatkan prestasi syarikat. Dapatan kaji selidik berjaya membuktikan sememangnya golongan wanita memberikan sumbangan yang cukup besar, terutamanya dalam menampung sebahagian daripada keperluan modal insan khusus untuk pembangunan ekonomi negara ini.

Walau bagaimanapun, golongan wanita di Malaysia disarankan agar tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian yang diperoleh. Mereka seharusnya lebih berani untuk terus mara ke hadapan bagi mencapai kejayaan yang lebih besar. Wanita perlu kreatif untuk mengetepikan norma kebiasaan dan berfikir di luar lingkaran. Pada masa yang sama, mereka perlu terus berusaha untuk melengkapi diri masing-masing dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan serta kritikal bagi memastikan mereka memiliki daya saing untuk menghadapi cabaran yang dibawa oleh teknologi dalam era globalisasi kini.

Golongan wanita juga dinasihatkan supaya tidak cepat patah semangat disebabkan oleh kurangnya jumlah wanita yang memegang jawatan tertinggi pada peringkat kepimpinan. Senario hari ini memperlihatkan bahawa berlakunya anjakan paradigma secara menyeluruh yang memberikan pengiktirafan dan perakuan terhadap wanita sebagai tenaga utama dalam mencorakkan ekonomi serta landskap sosial dalam kelompok masyarakat dan negara.

Dalam hal ini, perbandingan itu tidak perlu dilakukan kerana wanita dan lelaki masing-masing dianugerahkan dengan ciri-ciri serta kemahiran yang beraneka bentuk, dan hal ini menjadikan kedua-duanya sebagai pelengkap antara satu sama lain. Oleh hal demikian, tiada isu persaingan di sini, sebaliknya hal ini perlu ditangani secara positif dan melihatnya sebagai usaha "berganding bahu" dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Di Malaysia, walau apa-apa jua peranan yang dimainkan oleh kaum wanita, tidak kira menjadi ibu, isteri, dan penjawat awam atau swasta, golongan ini tidak akan terlepas daripada diberikan perhatian oleh kerajaan, malah pelbagai dasar dan insentif dibuat sebagai pembuka jalan untuk melindungi hak dan kebajikan wanita. Bagi kerajaan, golongan wanita bukan sekadar berperanan dalam mengukuhkan institusi sesebuah keluarga, tetapi turut menjadi penggerak yang signifikan dalam menjanakan pertumbuhan ekonomi negara. DE

Golongan wanita bukan sekadar berperanan dalam mengukuhkan institusi sesebuah keluarga, tetapi turut menjadi penggerak dalam menjanakan pertumbuhan ekonomi negara.